



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
THE OFFICE OF STATE SECRETARY OF SABAH
JABATAN KETUA MENTERI
CHIEF MINISTER DEPARTMENT
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.



skn.sabah.gov.my

Telefon : +6088-369 900
 : +6088-369 901
Faksimile : +6088-211 016
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Rujukan : JKM:100-4/62 (60)
Tarikh : 20 Februari 2023

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**EDARAN SURAT ARAHAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BILANGAN 1
TAHUN 2023: INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI DI TEMPAT KERJA**

Perkara di atas dirujuk.

2. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri komited memastikan inisiatif pembudayaan integriti dalam kalangan penjawat awam dilaksanakan secara strategik dan berterusan. Oleh itu, bagi memastikan usaha-usaha murni ini dapat direalisasikan pada tahun ini, semua agensi Kerajaan Negeri **diwajibkan** membudayakan dan menguatkuasakan inisiatif-inisiatif seperti yang berikut:

2.1 Pemakaian tanda nama (name tag) oleh semua anggota

Penguatkuasaan ini adalah selaras dengan Perkara 109, Buku Arahan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Spesifikasi dan syarat pemakaian tanda nama hendaklah mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

2.2 Lagu rasmi Integriti dimainkan dalam majlis rasmi

Lagu rasmi integriti berjudul "Lagu Integriti Negeri Sabah" hendaklah dimainkan dalam majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri seperti sebelum majlis perhimpunan, kursus, bengkel, program dan amanat sama ada secara fizikal atau secara dalam talian. Susunan lagu dimainkan dalam majlis rasmi dimulakan dengan lagu Negaraku, seterusnya lagu Sabah Tanah Airku, diikuti dengan lagu Sabah Maju Jaya dan diakhiri dengan Lagu Integriti Negeri Sabah.

.../2

"SABAH MAJU JAYA"

Rujukan Fail : JKM:100-4/62 (60)
Tarikh : 20 Februari 2023

**EDARAN SURAT ARAHAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BILANGAN 1
TAHUN 2023: INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI DI TEMPAT KERJA**

2.3 Memaparkan poster Polisi Integriti dan Antirasuah Perkhidmatan Awam Negeri di bilik pejabat, ruang kerja dan tempat strategik

Semua agensi dikehendaki mencetak poster Polisi Integriti dan Antirasuah Perkhidmatan Awam Negeri dalam saiz kertas A3. Poster tersebut hendaklah diagihkan kepada semua anggota dalam agensi untuk ditampal di bilik pejabat atau ruang-ruang strategik pejabat.

2.4 Mewujudkan Repositori Digital Integriti Dalam Laman Web Rasmi Agensi

Semua agensi hendaklah mewujudkan repositori digital integriti dalam laman web rasmi agensi dengan menghimpunkan informasi-informasi mengenai integriti, governans dan antirasuah. Antara bahan yang boleh diletakkan adalah kompilasi hebahan integriti, tayangan video ucapan dan teks ucapan YAB Ketua Menteri Sabah dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri, kompilasi pekeliling dan punca kuasa serta laporan-laporan yang berkaitan.

2.5 Hebahan Poster Sistem i-Adu

Semua agensi diwajibkan meletakkan poster hebahan Sistem i-Adu dan mempamer poster tersebut sama ada secara fizikal atau digital di semua aras atau tempat-tempat strategik terutamanya di setiap pintu masuk utama, kaunter, ruang menunggu dan papan kenyataan atau ruang-ruang yang strategik.

3. Maklumat dan sumber media yang berkaitan dengan inisiatif-inisiatif pengukuhan integriti ini boleh diperolehi secara digital dengan mengimbas kod QR seperti **LAMPIRAN A**.

4. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, sila rujuk **Unit Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus, Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri** di talian 088-369264.

-3-

Rujukan : JKM:100-4/62 (60)

Tarikh : 20 Februari 2023

**EDARAN SURAT ARAHAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BILANGAN 1
TAHUN 2023: INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI DI TEMPAT KERJA**

5. Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh edaran surat arahan ini.

Sekian.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

"SABAH MAJU JAYA"

LAMPIRAN A



“SABAH MAJU JAYA”



Tanda Nama

109. (1) Setiap pegawai dan kakitangan diwajibkan memakai "Tanda Nama" dengan mengikuti peraturan seperti yang berikut:

- (a) tanda nama hendaklah diperbuat daripada plastik dengan huruf berwarna putih berlatarbelakangkan hitam dan berukuran 7.5sm x 2.5sm tanpa sebarang garis atau ukuran di sekelilingnya;
- (b) hanya satu nama sahaja digunakan;
- (c) tidak ada had saiz huruf yang ditetapkan dan sekiranya huruf nama itu berlebihan, maka hendaklah disesuaikan supaya muat dalam ruang tanda nama yang ditetapkan;
- (d) gelaran darjah kebesaran, keturunan, profesion, kelulusan akademik atau 'initial' tidak boleh dituliskan pada tanda nama yang berkenaan;
- (e) nama jawatan dan logo Jabatan tidak boleh digunakan untuk menghiasi tanda nama berkenaan;
- (f) tanda nama hendaklah disematkan pada baju di sebelah kiri dada; dan
- (g) tanda nama hendaklah diasingkan daripada pas keselamatan.

Budi Bahasa Pegawai

Hubungan Melalui Budi Bahasa

110. Budi bahasa memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan kerjasama sesama pegawai dan dengan orang awam. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab pegawai agar sentiasa menggunakan bahasa mesra dan bersopan santun, seperti contoh yang berikut:

- (a) Salam berjawab
 - (i) jawablah dengan mesra jika ditegur atau diberi salam;
 - (ii) berjabat tanganlah dengan penuh hormat dan kemesraan.

